# LAPORAN LIPUTAN MEDIA
# SELASA / 13 MAC 2018

1. AGRICULTURAL FEST TO TOUT WOMEN'S SUCCESS
   - NEW STRAITS TIMES

2. TIADA LAGI KARTEL DAGING KERBAU
   - SINAR HARIAN

3. TANAM HARUMANIS GANTI PADI
   - SINAR HARIAN

4. MAHA 2018 PLATFORM IKTIRAF KEJAYAAN WANITA
   - KOSMO

5. CUCI SARANG BURUNG WALET GUNA TEKNOLOGI NANO
   - KOSMO

6. PENGUSAHA JANA PENDAPATAN LUMAYAN
   - KOSMO

7. MAHA 2018 ANGKAT, IKTIRAF USAHAWAN WANITA
   - BERITA HARIAN

DISEDIAKAN OLEH:
CAWANGAN KOMUNIKASI KORPORAT
(MADA)

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**
**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**
**PERKARA : PERTANIAN**



*Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek*

MAHA 2018

# Agricultural fest to tout women's success

**THE** Malaysia Agriculture, Horticulture and Agrotourism (Maha) 2018 exhibition will be a platform to uplift the status of women and recognise their contributions in the agriculture and agro-based industry.

Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek said the event would highlight the success stories of women in farming.

"We have decided that Maha 2018, the largest event in the agriculture industry, will be used as a platform to recognise the contributions and success of women entrepreneurs.

"In fact, we have chosen *Segalanya Wanita* (All About Women) as the tagline to promote and raise awareness about women's involvement in the industry," he said in reply to a question from Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh (BN-Sabak Bernam).

Fasiah wanted to know the ministry's initiatives to help women succeed in agriculture and promote it as a career among women as well as entrepreneurship programmes for them.

Responding to an additional question from Fasiah, Shabery said 50 per cent of the National Entrepreneur Group Economic Fund (Tekun) would be allocated for female entrepreneurs.

"Under the Agrobank programme, we have allocated 95 per cent of the loans under the Agrotrust programme for women entrepreneurs. This includes ensuring that 50 per cent of the agropreneurs are women."

NST 13/3/18.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**
**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**
**PERKARA : PERTANIAN**

---

# Tiada lagi kartel daging kerbau

*Empat syarikat setuju bekal daging sejuk beku kepada pengimport*

MOHD HAFIZ ISMAIL

KUALA LUMPUR

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memberi jaminan tiada gangguan kartel yang didakwa menjadi punca permasalahan terhadap pengimport daging kerbau sejuk beku dari India.

Timbalan Menterinya, Datuk Seri Tajuddin Abdul Rahman berkata, empat syarikat pembekal daging kerbau dari India yang memiliki tujuh loji penyembelihan daging kerbau telah bersetuju membekalkan daging sejuk beku kepada pengimport di negara ini tanpa sebarang masalah.

"Mereka memberi 100 peratus jaminan bahawa pengimport daging kerbau sejuk beku di Malaysia tidak akan berdepan masalah menerima gangguan kartel dan bekalan daging itu selepas ini.

"Yang menjadi masalah sekarang untuk kita dan pengimport daging kerbau sejuk beku di negara ini adalah kesukaran mendapatkan bekalan daging daripada pembekal asal di India," katanya selepas mempengerusikan Mesyuarat Bersama Pengeksport Daging Kerbau dari India, semalam.

Beliau mendakwa, wujud kartel yang cuba memonopoli perniagaan tersebut, sekali gus mencantas dan merugikan peniaga khususnya pengimport Bumiputera dalam industri berkenaan.



Tajuddin pada sidang media, semalam.

"Hasil perjumpaan selama lebih sejam dengan wakil empat syarikat pembekal utama daging kerbau sejuk beku itu menyatakan, komitmen 100 peratus kepada kementerian bahawa tidak akan berlaku masalah bekalan selepas ini," katanya.

Beliau berkata, tujuh loji penyembelihan itu telah diluluskan Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan telah diaudit serta telah mencapai standard Amalan Pengilangan Baik (GMP), Kementerian Kesihatan dan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (Jakim).

Menurutnya, tahun lalu negara telah mengimport daging kerbau sejuk beku bernilai RM1.9 bilion dari Syarikat Amroon, Allana, Al-Quresh dan Al Noor dari Mumbai serta New Delhi, India.

"Saya tidak mahu hak peniaga Bumiputera dan bukan Bumiputera daging kerbau di negara ini dinafikan untuk memperluaskan perniagaan, hanya kerana gangguan kartel.

"Jangan ada pengaduhan dalam kalangan pengimport di sini, dan tidak mahu kartel mempermainkan perniagaan dengan taktik kotor.

"Kementerian tidak teragak-agak bertindak tegas mengikut undang-undang jika peniaga cuba bermain kotor, menyusahkan peniaga lain," katanya.

Tajuddin berkata, daripada 195 syarikat telah mendapat kebenaran mengimport daging sejuk beku sejak 2017, hanya 38 syarikat aktif ketika ini dan tujuh peratus adalah Bumiputera.

"Untuk meningkatkan penyertaan lebih ramai pengimport Bumiputera, kita tidak boleh memaksa mereka dalam industri ini, terpulang kepada peniaga. Kami hanya boleh sediakan platform dan tangkis halangan sahaja.

"Saya sarankan pengimport Bumiputera gunakan sebaik-baiknya peluang besar untuk mengembangkan perniagaan import daging kerbau sejuk beku dari India," katanya.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**
**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**
**PERKARA : PERTANIAN**

---

# Tanam harumanis ganti padi



Isa menanam harumanis di kawasan sawah padinya yang ditimbus.

KANGAR - Harga pasaran buah harumanis yang melonjak ke RM70 sekilogram berikutan permintaan yang menggalakkan pada musim lepas membuka mata banyak pihak.

Pengusaha, Mat Isa Ismail, 56, dari Kampung Behor Gandil berkata, dia mengambil keputusan untuk menimbus sawah padinya semata-mata untuk menanam pokok mempelam tersebut.

"Saya menimbus sawah padi seluas 1.21 hektar selepas melihat sambutan baik terhadap buah itu yang diperoleh musim lepas. Dengan sepokok harumanis, saya jana pendapatan RM2,000.

"Disebabkan itu, saya mengambil keputusan menanam 130 pokok harumanis disulami dengan tanaman kelapa matag dan limau di kawasan sawah padi ditimbus itu," katanya.

Katanya, dia memperuntukkan kos keseluruhan menimbus tanah lebih RM50,000, manakala anak benih dibeli dengan harga RM12 hingga RM18 sepokok.

Isa berkata, dia merancang buah mempelam harumanis ditanamnya mengeluarkan hasil dalam tempoh tiga tahun lagi apabila dia berpencen lagi empat tahun.

Katanya, dia akan menggunakan masa lapang untuk menanam buah itu demi masa depan, memandangkan harumanis memiliki nilai tinggi dan mampu menjana pendapatan.

"Lagipun, tanaman harumanis mudah menjadi di Perlis berbanding tempat lain. Ada juga kawan tanam di Kedah, namun hanya kali pertama berbuah, yang kedua sudah tidak menjadi," katanya.

Menurut Isa, dia menanam pokok mempelam harumanis secara berperingkat bermula Oktober tahun lepas, dan menjangkakan menerima pulangan apabila buah dituai tiga tahun lagi.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**
**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**
**PERKARA : PERTANIAN**

---

# MAHA 2018 platform iktiraf kejayaan wanita



AHMAD SHABERY

**KUALA LUMPUR** – Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2018 bakal menjadi platform terbesar bagi mengiktiraf sumbangan kaum wanita khusus dalam bidang pertanian serta industri asas tani di negara ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek berkata, MAHA pada kali ini akan memaparkan kisah dan kejayaan tokoh wanita dalam bidang tersebut untuk dijadikan contoh yang baik kepada masyarakat.

"Kami akan menggunakan slogan 'Segalanya Wanita' pada MAHA 2018 sebagai memupuk kesedaran serta mengangkat martabat wanita dalam bidang pertanian negara," katanya menjawab soalan Datuk Mohd. Fasiah Mohd. Fakeh (**BN-Sabak Bernam**) mengenai langkah kementerian bagi membantu wanita untuk berjaya dalam bidang pertanian pada persidangan Dewan Rakyat semalam.

KOSMO 13/3/18.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**
**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**
**PERKARA : PERTANIAN**

---

# Pengusaha jana pendapatan lumayan

PERKEMBANGAN dalam industri sarang burung walet mampu memberi pulangan yang lumayan kepada pengusaha ekoran permintaan tinggi terhadap produk itu.

Ketika harga pasaran mencecah sehingga RM10,000 sekilogram, ia ternyata menjadi lubuk emas kepada pengusaha.

**Pembantu Hal Ehwal Ekonomi, Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beluran, Sandakan, Sabah, Mardan Sha Afing** berkata, terdapat banyak rumah burung walet dibina di kawasan itu, sekali gus memberikan sumber pendapatan baharu kepada pengusaha.

Menurutnya, di Beluran sahaja terdapat 218 buah rumah burung walet yang berdaftar dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar.



MARDAN SHA

"Bagi membantu pengusaha-pengusaha ini, kami membeli hasil sarang burung walet daripada mereka yang kemudiannya akan dihantar untuk dibersihkan di Nafas Sialin (M) Sdn. Bhd., (Nafas Sialin).

"Harga untuk sarang burung walet ini ditentukan oleh pihak Nafas Sialin mengikut gred," katanya ketika dihubungi *Kosmo!* baru-baru ini.

Bagi kawasan Beluran sahaja, pengusaha-pengusaha tempatan berjaya mengumpul sarang burung walet melebihi 30 kilogram sebulan.

Dalam pada itu, Mardan Sha berkata, di Beluran ramai pengusaha ladang kelapa sawit mengambil peluang membina rumah burung walet di ladang mereka.

"Mereka mengakui, harga sarang burung walet ini lebih mahal berbanding harga kelapa sawit dan mereka membinanya sebagai salah satu cara untuk menambah pendapatan bulanan.

"Ada pengusaha sarang burung walet ini mampu meraih pendapatan antara RM3,000 hingga RM5,000 sebulan," jelasnya.

Tambah Mardan Sha, pihaknya juga sentiasa bersedia memberi khidmat nasihat kepada penduduk-penduduk tempatan yang berhasrat untuk menjadi pengusaha sarang burung walet.

**KERATAN AKHBAR : KOSMO**
**TARIKH : 5 MAC 2018 (ISNIN)**
**PERKARA : PERTANIAN**

# MAHA 2018 angkat, iktiraf usahawan wanita

**Pameran** Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancongan Malaysia (MAHA) 2018 akan menjadi medan bagi mengangkat dan mengiktiraf sumbangan golongan wanita dalam bidang pertanian serta industri asas tani.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek, berkata MAHA 2018 juga akan menjadi medan untuk memaparkan kisah dan kejayaan tokoh wanita dalam bidang berkenaan.

"Kita telah memutuskan yang MAHA 2018 iaitu acara terbesar kementerian dan negara dalam industri pertanian akan mengiktiraf sumbangan dan kejayaan usahawan wanita dalam pertanian dan industri asas tani.

"Malah kita tetapkan MAHA 2018 akan menggunakan *tagline* 'Segalanya Wanita' sebagai langkah menggalak dan memberi kesedaran untuk mengangkat martabat wanita dalam bidang pertanian negara," katanya.

Beliau menjawab soalan Datuk Mohd Fasiah Mohd Fakeh (BN-Sabak Bernam) pada sesi pertanyaan bagi jawapan lisan di Dewan Rakyat semalam.

BH 13/3/18